

PM hanya bersetuju timbang rayuan MT

UM 24 JUN 2012

KUALA LUMPUR 23 Jun — Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hanya bersetuju untuk menimbang rayuan Majlis Tertinggi (MT) supaya menarik balik peletakan jawatannya selepas diyakinkan mengenai implikasi buruk tindakan mengejutnya itu.

Naib Presiden UMNO itu berkata, dalam perjumpaan yang berlangsung kira-kira 45 minit di Bilik Perdana di Aras Empat Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu, Dr. Mahathir pada awalnya berkeras dengan keputusan tersebut.

“Kita hormati keputusan, tetapi beliau (Dr. Mahathir) ketua kita jadi kita harus memberitahu dia mengenai segala implikasi peletakan jawatannya itu.

“Jadi beliau kemudiannya

bersetujulah untuk menimbang cadangan kita,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Najib mengulas mengenai pertemuan tertutup yang diadakan antara Presiden UMNO itu dengan pucuk pimpinan parti di Bilik Perdana semalam selepas beliau (Dr. Mahathir) membuat pengumuman mengejut untuk melepaskan semua jawatan dalam parti semasa mengguling perbahasan di Perhimpunan Agung UMNO ke-56.

Hadir di dalam bilik itu ialah Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Naib-naib Presiden iaitu Najib, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd. Taib.

Pemimpin lain ialah Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, Ketua Pergerakan Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Ketua Penaja Puteri, Azalina Othman Said.

Mengenai desas-desus ba-

hawa Tengku Razaleigh Hamzah turut dipanggil berbincang, Najib berkata, beliau (Tengku Razaleigh) tidak ada di dalam bilik tersebut.

“Ada dua bilik di dalam Bilik Perdana itu, iaitu bilik tidur dan satu ruang luar yang lebih besar. Ku Li ada di bilik luar,” katanya.

Menurut Najib, Dr. Mahathir kelihatan lebih tenang ketika menghadiri perjumpaan dengan Jawatankuasa Pengurusan pagi ini di kediamannya di Putrajaya.

“Beliau turut menyatakan agak terharu dengan sokongan yang spontan dan rayuan ikhlas yang kita buat.

“Perdana Menteri juga nampak agak terharu dengan sambutan dan sokongan orang ramai, bukan di PWTC sahaja malah di seluruh negara,” katanya.